

## **BAB 5: RUMUSAN DAN CADANGAN**

### **5. 0 Pendahuluan**

Bab ini ialah bahagian yang terakhir dalam kajian yang telah dijalankan ini yang akan merumuskan mengenai persepsi pelajar terhadap subjek BA, pembelajaran BA dan pembelajaran menggunakan komik BA. Selain itu, bab ini juga akan merumuskan masalah dan pendapat guru tentang pembelajaran BA dan komik, di samping merumuskan mengenai keberkesanan komik dalam pembelajaran BA. Rumusan yang dibuat adalah berdasarkan kepada hasil dapatan dan fakta yang telah diperolehi. Beberapa cadangan diutarakan untuk menguatkan lagi rumusan yang telah dilakukan dan memberi penambahbaikan dalam bahan tambahan dalam pembelajaran BA.

### **5. 1 Rumusan**

Secara keseluruhannya, kajian keberkesanan komik dalam pembelajaran BA ini mendapati bahawa komik adalah bahan bantu mengajar dan bahan tambahan yang berkesan dalam pembelajaran BA. Perkara ini dibuktikan dengan hasil ujian daripada skor min kumpulan rawatan lebih tinggi sebanyak (67.6%) berbanding skor min pencapaian pelajar yang berada dalam kumpulan kawalan yang hanya sebanyak (44.9%).

Dalam mengkaji persepsi pelajar terhadap pembelajaran BA secara am dan komik secara khas, didapati bahawa 53.0% pelajar berpersepsi BA adalah bahasa yang susah, 62% daripada responden adalah bersetuju bahawa mereka cepat lupa apa yang telah

dipelajari dan 83% responden berpersepsi bahawa komik memberi banyak faedah kepada mereka. Dapatan ini menunjukkan penggunaan komik dalam pembelajaran BA adalah alternatif yang sesuai dalam usaha untuk menangani masalah yang dihadapi oleh pelajar di samping menyaingi televisyen dan telefon pintar yang banyak mencuri perhatian remaja masa kini.

Namun begitu, terdapat 18% responden yang tidak meminati penggunaan komik BA sebagai bahan pembelajaran. Hal ini kerana mereka ini berpendapat komik tidak membuatkan mereka berasa santai ketika belajar dan tidak membantu mereka memperoleh perkataan baru dalam BA.

Persepsi pelajar terhadap BA ialah mereka merasakan bahawa BA merupakan subjek yang susah dan mereka menghadapi kesusahan untuk menghafal subjek ini. Walaubagaimanapun, mereka tetap bersetuju untuk menggunakan pelbagai cara untuk meningkat penguasaan BA dan akan tetap belajar BA walau terpaksa mengulang-kajinya selalu.

Dari segi persepsi pelajar terhadap pembelajaran BA pula, mereka bersetuju guru dan sekolah memberi bantuan dan melakukan tanggungjawab yang sepatutnya dalam membantu mereka mempelajari BA, termasuklah sikap guru yang kreatif semasa mengajar, membantu, memberi latihan, galakan, dan juga program-program BA yang dianjurkan oleh sekolah.

Masalah guru dalam pembelajaran BA pelajar ialah sesuatu yang perlu dititikberatkan juga dalam melahirkan pelajar yang cemerlang dalam BA. Walaupun menjadi tanggungjawab guru dalam mengajar dan mendidik pelajar, tugas akan kelihatan kelompangan disebabkan masalah pembelajaran pelajar yang dihadapi berlanjutan tanpa diatasi segera.

Dalam kajian ini, masalah yang diselidik ialah yang berkaitan pembelajaran BA sahaja. Didapati bahawa guru BA di sekolah ini menghadapi beberapa masalah iaitu dalam menggunakan komunikasi BA dengan pelajar, pelajar yang kurang berminat dengan BA, kurangnya pengetahuan sedia ada yang telah dipelajari pelajar tentang BA, pelajar yang tidak mamahami penerangan guru, dan pelajar tidak mengingati perbendaharaan kata BA yang merupakan asas utama untuk mempelajari BA dengan baik. Namun begitu, masalah-masalah ini adalah daripada masalah yang dihadapi keseluruhan pelajar yang pernah diajar mereka dan bukan semata-mata merujuk kepada pelajar dalam kajian ini sahaja.

Manakala, dalam aspek penggunaan komik dalam pembelajaran BA pula guru kebanyakannya bersetuju dan berpendapat bahawa ia merupakan langkah yang baik untuk membantu pelajar di samping menjadi bahan tambahan yang menarik dalam pengajaran dan pembelajaran BA.

Daripada hasil ujian yang dijalankan ke atas kedua kumpulan pelajar iaitu kumpulan kawalan dan rawatan dalam kajian ini, skor min kumpulan rawatan lebih tinggi sebanyak (67.6%) berbanding skor min pencapaian pelajar yang berada dalam kumpulan kawalan yang hanya sebanyak (44.9%) sahaja. Perbezaan skor min kedua-dua kumpulan adalah sebanyak (-22.7%). Ujian  $-t$  menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan di antara kedua-dua kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan ialah .004 iaitu  $p < .05$ . Selain itu, terdapat juga hubungan yang signifikan antara komik menarik minat pelajar dengan pencapaian pelajar dalam BA pada tahap signifikan .000.

Secara keseluruhan daripada hasil dapatan ujian yang telah dijalankan, soal selidik yang telah diberikan kepada pelajar, temu bual bersama guru-guru BA, dapat disimpulkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan antara skor ujian pasca bagi kumpulan

kawalan dan rawatan. Ini menunjukkan penggunaan komik dalam pembelajaran BA adalah sesuai dan boleh diterapkan dalam pembelajaran BA di sekolah sama ada sebagai bahan bantu mengajar atau bahan tambahan dalam pembelajaran BA. Begitu juga dengan soal selidik terhadap pelajar, majoritinya penggunaan komik dalam pembelajaran BA mendapat tindakbalas yang positif daripada pelajar. Mereka sangat tertarik dengan komik BA dan mengatakan komik BA amat membantu mereka dalam mempelajari BA. Di samping itu, dapatan hasil soal selidik membuktikan bahawa kebanyakan pelajar mempunyai persepsi yang positif terhadap pembelajaran dan subjek BA.

Secara khususnya kajian ini mendedahkan implementasi komik BA dalam pembelajaran BA yang mampu menarik minat pelajar dengan lebih berkesan dan sesuai dengan konsep pembelajaran terkini. Berdasarkan temubual bersama guru pula, dapat dikatakan bahawa guru sedikit sebanyak memerlukan bahan pengajaran yang boleh menarik minat pelajar mereka dalam mempelajari subjek BA yang rata-ratanya dianggap susah oleh para pelajar.

Namun, setiap sesuatu pastilah mempunyai positif dan negatifnya, begitu juga dengan komik. Menurut penulis, unsur negatif ini mestilah dijauhi dan hanya mengambil kesan positifnya sahaja untuk diterapkan dalam sistem pembelajaran di Malaysia. Komik seperti bahan bertulis lain berkait rapat dengan imaginasi penciptanya. Komik boleh memberi kesan positif jika pesanan yang terdapat di dalam komik direka dalam bentuk beretika dan menitikberatkan kesopanan dalam menjaga sensitiviti agama serta menjauhi unsur-unsur negatif seperti pornografi dan ganas.

Komik adalah alat yang berkuasa untuk pengajaran membaca dan analisis sastera di semua peringkat. Jika tidak ada yang sesuai, komik adalah satu lagi sumber bacaan yang boleh meningkatkan keyakinan pelajar dalam kebolehan mereka dan mungkin juga menguatkan lagi aktiviti membaca pelajar. Bagaimanapun, seperti mana-mana sumber pengajaran, penggunaannya hanya dihadkan oleh imaginasi guru sahaja. Maksudnya, jika guru tidak menggunakan sumber ini di dalam kelas, maka tidak akan adalah kelebihan penggunaan sumber ini kepada pelajar.

Dari aspek linguistik, komik dikatakan merupakan bahan yang menggunakan komunikasi verbal dan amat berkait rapat dengan semantik yang merupakan salah satu kajian makna dalam kajian linguistik. Gambar di dalam komik yang mempunyai maksud semantik yang pelbagai dapat memberi gambaran dan maksud yang dapat difahami contohnya dengan berbagai jenis mimik muka yang boleh digambarkan di dalam komik.

Kesimpulannya, kajian ini membuktikan pengaplikasian komik BA dalam pembelajaran BA seiring dengan penggunaannya dalam subjek-subjek lain yang telah digunakan di banyak Negara luar termasuk Malaysia sendiri.

## **5. 2 Cadangan**

Hasil daripada kajian yang telah dijalankan, beberapa cadangan ingin disarankan sebagai panduan agar banyak lagi penambahbaikan dalam pembelajaran BA yang lebih berkesan supaya dapat mengisi kelompangan yang wujud dalam kaedah pembelajaran yang sedia ada.

### **5. 2. 1 Pelajar**

1. Pelajar menyemai minat dan berusaha dengan lebih gigih lagi dalam mempelajari BA memandangkan kebanyakan responden mempunyai semangat yang tinggi dalam mempelajari BA.
2. Pelajar perlu menggunakan komik BA yang telah disediakan atau membuat sendiri komik BA untuk mana-mana subjek yang dirasakan susah untuk difahami dan dihafal.
3. Pelajar juga perlu memberi kerjasama dan membantu guru dalam sesi pembelajaran agar apa yang dipelajari dapat difahami dengan baik.
4. Pelajar perlu berusaha dan mempunyai inisiatif untuk melakukan sesuatu dan bukan sekadar minat dan semangat sahaja.

### **5. 2. 2 Guru**

1. Guru perlu memperbanyakkan aktiviti di dalam kelas dengan kaedah yang dapat menarik perhatian pelajar dalam mempelajari BA. Aktiviti yang sesuai dan pelbagai dapat menghindarkan pelajar daripada membuat hal sendiri dan lewa dalam proses pembelajaran berlangsung.
2. Guru perlu memainkan peranan yang penting dan mencari jalan sendiri bagi memastikan peningkatan dalam pencapaian pelajar dalam Bahasa Arab, contohnya guru perlu mahir menggunakan komputer untuk mencari maklumat mengenai kaedah pembuatan komik di dalam kelas dengan pelajar.

3. Guru perlu memastikan proses pembelajaran di kelas berlangsung dengan dua hala iaitu guru memberi dan pelajar bertindakbalas dengan aktiviti di dalam kelas.
4. Guru perlu lebih banyak menggunakan bahan tambahan yang sesuai pembelajaran BA. Namun, penggunaan bahan-bahan ini harus dipelbagaikan mengikut kesesuaian pelajar, objektif dan manfaatnya.
5. Guru harus cuba memandang sikap pelajar secara positif walaupun pada dasarnya pelajar seperti tidak berminat. Ini kerana cara guru berfikiran akan mempengaruhi dan memberi kesan kepada pelajar itu sendiri.

### **5. 2. 3 Sekolah dan Pentadbir**

1. Kementerian Pendidikan mestilah menyediakan kemudahan yang secukupnya kepada sekolah, guru dan pelajar dalam memperbaiki kualiti pembelajaran dari masa ke semasa untuk membolehkan dan memudahkan guru dalam mencari maklumat yang terkini untuk melancarkan proses pengajaran dan pembelajaran. Begitu juga supaya pelajar dapat memanfaatkan teknologi untuk membantu mereka dalam mencari maklumat.
2. Selain bahan bantu mengajar, pihak yang terbabit juga perlu mempelbagaikan bahan bacaan tambahan seperti komik untuk menarik minat pelajar dalam mempelajari BA.

3. Mencadangkan diadakan bengkel untuk menambahkan kemahiran guru dalam mempelbagaikan bahan pengajaran dan pembelajaran dan menggunakan teknik yang terkini dan sesuai untuk para pelajar.
4. Selain bengkel ini, bengkel untuk memotivasikan guru juga perlu diadakan oleh pihak yang terbabit supaya hal ini dapat memberi semangat dan motivasi kepada para guru daripada tekanan dan masalah dengan tugas mereka.
5. Segala bahan bantu mengajar atau bahan sampingan pembelajaran yang disediakan juga harus dipantau dari semasa ke semasa untuk mengelak pembaziran dan fungsinya kepada pelajar sendiri.
6. Sekolah juga perlu memastikan terdapat keperluan yang mencukupi untuk guru dan pelajar untuk memudahkan sebarang aktiviti pembelajaran dilakukan.
7. Buku teks perlu dikemaskini semula agar mempunyai banyak bentuk gambar komik yang bersesuaian dengan subjek dan dapat menarik perhatian pelajar apabila menggunakannya.

#### **5. 2. 4 Cadangan Kajian Lanjutan**

Kajian ini merupakan kajian eksperimental yang cuba untuk mengkaji keberkesanan penggunaan komik dalam pembelajaran BA. Demikian, tidak dinafikan terdapat kelemahan atau kekurangan dalam kajian ini yang tidak dapat dielakkan dan belum diterokai oleh penulis. Oleh itu, penulis ingin mengemukakan cadangan kajian lanjutan dalam menambahbaik lagi kajian dalam bidang ini. Di antaranya ialah:-



1. Menambah instrumen pemerhatian dan temu bual ke atas pelajar bagi mendapat maklumat yang lebih terperinci daripada pelajar.
2. Menambah bilangan responden yang lebih besar supaya dapat digeneralisasikan kepada kesuluruhan pelajar sekolah menengah.
3. Melakukan kajian rintis kepada sebilangan pelajar sebelum menjalankan kajian kerana hal ini akan dapat memastikan kajian lebih terjamin.
4. Mengkaji secara khusus tentang komik BA yang dipelbagaikan ke dalam BA seperti nahu dan sorof.
5. Menjalankan kajian dalam tempoh yang lebih lama untuk membantu dan mengetahui kesannya ke atas pelajar.

### **5. 3 Penutup**

Dalam bab ini, penulis telah menyimpulkan dan merumuskan semua hasil dapatan kajian yang diperolehi. Semua hasil dapatan ini adalah bagi menjawab ketiga-tiga persoalan kajian yang telah dibuat untuk mencapai objektif kajian yang telah ditetapkan.

Keseluruhannya, kajian ini membuktikan bahawa penggunaan komik dalam pembelajaran BA dapat meningkatkan pencapaian pelajar dalam kumpulan rawatan. Penggunaan komik BA juga mendapat persepsi yang baik dan positif daripada berdasarkan soal selidik yang telah diberikan. Hasil daripada kajian ini juga menjelaskan bahawa penggunaan komik Bahasa Arab dalam pembelajaran Bahasa Arab dapat membantu di samping menarik minat pelajar dalam mempelajari BA.

